

22/05/1997

Memandarkan masyarakat Melayu

Razali Zakaria

PERJALANAN dari Bukit Kayu Hitam di Kedah hingga Johor Bahru menggunakan Lebu Raya Utara-Selatan mengambil masa di antara lapan hingga 10 jam, manakala jalan lama, masa yang diambil mungkin dua kali ganda.

Sepanjang perjalanan di lebu raya itu sememangnya tiada bandar atau pekan yang ditempuh kecuali tempat berehat yang disediakan, berbanding berpuluh pekan kecil dan bandar besar di kiri kanan jalan lama.

Di bandar atau pekan yang dilalui, kebanyakan penghuninya adalah kaum Cina dan India.

Orang Melayu memilih kawasan kampung di kiri kanan jalan.

Keadaan itu berlaku disebabkan cara hidup yang diilhamkan oleh penjajah Inggeris pada masa sebelum merdeka. Umumnya, Inggeris mengklaskan penduduk Tanah Melayu kepada tiga kategori iaitu Melayu di kampung, Cina di pekan dan kawasan perlombongan manakala India di kawasan ladang. Keadaan itu berlaku hingga hari ini.

Kebelakangan ini ada usaha untuk membandarkan orang Melayu dengan mewujudkan bandar yang 70 peratus penghuninya Melayu, manakala selebihnya kaum lain. Contohnya, Selangor yang secara diam-diam berusaha mewujudkan 10 bandar majoritinya dihuni dan semua aktivitinya digerakkan orang Melayu.

Bandar itu ialah Shah Alam, Bangi, Ampang, Hulu Klang, Kelana Jaya, Sungai Buluh, Bandar Sultan Sulaiman, Sungai Gapi, Batu Arang dan Lembah Bernam.

Adalah mustahil untuk menempatkan kelas menengah Melayu di pekan dan bandar yang dilalui sepanjang jalan lama dari Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru.

Oleh itu, cendekiawan Melayu memikirkan satu jalan yang baik iaitu untuk membawa kelas menengah Melayu ke arah itu, perlu diwujudkan bandar baru.

Untuk itu tanggungjawab menyediakan kelas menengah itu terletak di bahu semua pihak, terutama tokoh korporat Melayu sendiri.

Walaupun pencapaian orang Melayu dan Bumiputera dalam semua bidang pada masa ini jauh lebih baik daripada yang dijangkakan kerana memiliki potensi dan kebolehan tinggi, orang Melayu masih perlu meneruskan perjuangannya.

Ketika menyampaikan amanat sempena ulang tahun ke-51 penubuhan Umno, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan perjuangan bangsa Melayu belum tamat.

Umumnya apa yang ditegaskan itu adalah sebagai ingatan supaya bangsa Melayu meneruskan perjuangan walaupun sesetengahnya kini bergelar tokoh korporat apabila mampu menguasai syarikat besar seperti perkapalan dan industri kereta di dalam dan luar negara.

"Takkan Melayu hilang di dunia," begitulah kata-kata hulubalang Melayu yang terkenal dalam Sejarah Melayu, Hang Tuah. Kata-kata hampir sama juga ditegaskan oleh Perdana Menteri ketika menyampaikan amanat pada penutup Forum Pengkisahan Sejarah Umno sempena ulang tahun itu.

Tegas Perdana Menteri: "Orang Melayu tak kurang daripada orang lain. Bahkan kita sekarang ini menjadi guru kepada banyak bangsa lain."

Satu daripada langkah untuk meningkatkan lagi penyertaan usahawan Melayu/Bumiputera ialah dengan memastikan jaringan kerja (networking) antara tokoh korporat Melayu/Bumiputera dengan usahawan baru diperkukuhkan lagi, malah jika boleh mereka itu menjadi payung kepada usahawan baru.

Dalam Ekspo Pencapaian Ekonomi Bumiputera di PWTC baru-baru ini, lebih 130 syarikat Bumiputera menyertainya. Syarikat itu terbabit dalam sektor

perkapalan, industri, maritim, petrokimia, penerbangan, pendidikan, automotif, telekomunikasi dan kewangan.

Pembabitan syarikat itu yang kebanyakannya sudah diisytiharkan sebagai konglomerat membuktikan Melayu/Bumiputera berjaya memboloskan diri ke arah perusahaan yang lebih berbentuk global tribe.

Sebaliknya apa yang dikesalkan ialah, banyak syarikat induk Bumiputera yang sudah mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang masing-masing tetapi belum memainkan peranan sebagai payung kepada syarikat kecil.

Fenomena ini berlaku berikutan kurangnya kesedaran di kalangan mereka bahawa memayungi syarikat kecil akan mewujudkan satu rangkaian kukuh di antara syarikat besar dan kecil.

Menerusi rangkaian persahabatan itu akan muncul kerjasama Bumiputera yang mantap dan dengan sendirinya akan lahir generasi masyarakat pedagang Bumiputera yang saling memerlukan antara satu sama lain.

Untuk itu anjakan paradigma kepada model kerjasama yang menguntungkan serta memperkembang usahawan Bumiputera perlu dilakukan. Kerjasama itu juga adalah pentas bagi syarikat Melayu membuktikan keunggulan mereka.

Perlu disedari bahawa pada alaf akan datang, Asia akan menjadi pusat operasi perdagangan dunia. Asia kini mengambil alih dari Amerika Syarikat sebagai pasaran ekonomi nombor satu dunia dan menguasai satu pertiga daripada seluruh urusan perdagangan dunia.

Di forum itu, Perdana Menteri juga berkata, kebolehan orang Melayu kini mencapai tahap luar biasa daripada golongan yang dianggap mundur sehingga berjaya dengan cemerlang.

Daripada anak penanam padi, sekarang ini mampu memiliki syarikat kapal terbang.

Justeru, usahawan Melayu semestinya sensitif kepada perubahan ini dan mengambil kesempatan merebut peluang itu. Mereka mesti menjadikan 1996 hingga tahun 2000 sebagai asas untuk memasuki abad ke-21 dengan cekal, tabah dan berketrampilan.

Dalam pada itu, bangsa Melayu, khususnya golongan usahawan seharusnya tidak leka kepada perangkap pihak lain kerana irihati melihat kebolehan orang Melayu.

Mereka akan menggunakan orang kedua yang juga bangsa Melayu untuk melakukan sesuatu supaya usahawan Melayu itu jatuh.

Lazimnya, orang Melayu adalah bangsa yang paling banyak berpenyakit latah, termasuk melatah kepada sesuatu perkara yang sensitif.

Sejarah membuktikan bahawa untuk melemahkan orang Melayu, anasir yang cepat mengambil kesempatan menggunakan sifat orang Melayu yang cepat 'melatah' itu dan hasilnya cukup berkesan.

Sementara penyakit latah diubati perlahan-lahan, usahawan Melayu perlu mencari jalan melengkapkan diri dengan sistem pertahanan yang kukuh dan kebal supaya usaha mengejar kemajuan tidak terbantut.

(END)